
BAB TIGA

KITĀB AL-KHARĀJ : KANDUNGAN DAN FORMAT PENULISAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab *Kitāb al-Kharāj* ini, kita akan membicarakan mengenai *al-Kharāj* sepintas lalu, metodologi dan format penulisan dan ulasan tokoh-tokoh Islam mengenai buku ini. Sebenarnya ianya merupakan satu risalah atau surat daripada Abū Yūsuf kepada khalifah Ḥarūn al-Rashīd yang mana isi kandungan surat tersebut merujuk kepada undang-undang percukaian Islam. Penghasilan surat ini adalah atas permintaan khalifah sendiri yang meminta nasihat daripada qadinya iaitu Abū Yūsuf mengenai teori-teori dan amalan-amalan dalam jabatan *al-kharāj*. *Kitāb al-Kharāj* telah dinukilkan oleh Abū Yūsuf dan merupakan satu topik yang membicarakan tentang kewangan Islam yang pertama dalam khazanah perbendaharaan fiqh Islam. Ianya telah ditulis pada kurun ke-2 H bersamaan dengan kurun ke-8.

Topik perbincangan dalam kitab ini dikenali dengan nama '*al-Māliyah al-ʿĀmmah*' yang menyentuh berkenaan sumber-sumber negara serta bentuk-bentuk perbelanjaan harta tersebut. Apa yang ditekankan oleh Abū Yūsuf dalam kitabnya ialah asas kepada ekonomi Islam ialah ketakwaan kepada Allah.¹ Antara lain perkara yang diutarakan oleh Abū Yūsuf dalam kitab ini ialah tanggungjawab

¹ Rafa'at al-ʿAudi, "al-Kharāj li al-Qādi Abī Yūsuf (113-182 H)", dalam *al-Iqtisād al-Islāmī*, Bil. 171, Dubai : al-Matba'ah al-ʿAsriyyah, m.s. 50.

kerajaan dalam ekonomi, prinsip-prinsip percukaian, pertanian, dan hubungan antara penawaran barangan dan harga.²

Secara turutannya kitab ini merupakan kitab yang pertama dalam bidang fiqh, kemudiannya diikuti oleh Yahyā Ibn Ādam yang menyusun dengan nama kitab yang sama iaitu *al-Kharāj*. Al-Syafi'ī juga menulis kitab dalam bidang ini yang terkenal dengan nama *al-Um*. Ketiga-tiga kitab ini ditulis pada kurun ke-2H sehinggakan *al-kharāj* menjadi satu bab yang besar dalam kitab fiqh. Akhirnya al-Mawardi (450 H)³ menulis sebuah buku yang bertajuk *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* yang ditulis dua kurun selepas kurun yang sebelumnya iaitu pada kurun ke-5 H.⁴ *Kitāb al-Kharāj* oleh Abū Yūsuf telah menjadi buku teks dan disampaikan kepada pelajar-pelajarnya dalam mazhab Hanafi setelah kematiannya. Walau bagaimanapun, hasil kerja ini bukanlah perintis dalam bab percukaian kerana sebelum ini Mu'awiyah b. 'Ubayd Allah b. Yasār al-Ash'arī (170 H) telah menyentuh bab percukaian semasa berkhidmat sebagai menteri kepada khalifah al-Mahdi.⁵

Perbincangan dalam bab ini lebih berkisar kepada *Kitāb al-Kharāj* sendiri yang merangkumi sejarah penulisannya, metodologi dan format penulisannya serta ringkasan bab-bab dalam kitab ini. Manakala idea-idea ekonominya secara

² Muhammad Nejatullah Siddiqi (t.t), *Muslim Economic Thinking : a Survey of Contemporary Literature*, United Kingdom : The Islamic Foundation, m.s. 73.

³ C. E. Bosworth, et. al. (eds.) (1991), *The Encyclopaedia of Islam (New Edition)*, Vol. VI, Leiden : E. J. Brill, m.s. 862.

⁴ Muḥammad Diyā' al-Dīn al-Rayyis (Dr.) (1969), *al-Kharāj wa al-Nizām al-Māliyyah li al-Daulah al-Islāmiyyah*, Cet. 3, Mesir : Dar al-Ma'ārif, m.s. 4.

⁵ A. Ben Shemesh (ed.) (1958), *Taxation in Islam: Yahya Ben Adam's Kitāb al-Kharāj*, Leiden : E.J Brill, m.s. 3.

khusus akan dibincangkan dalam bab akhir agar perbincangannya lebih jelas dan mudah untuk difahami.

3.2 *Al-Kharāj* Sepintas Lalu

Perkataan *al-kharāj* dipinjam oleh orang Arab daripada bahasa pentadbiran Byzantine iaitu Greek yang membawa maksud sumbangan umum ke atas tanah orang bukan Islam yang merupakan tanggungan ke atas mereka.⁶ *Al-Kharāj* secara umumnya membawa maksud apa yang dikeluarkan dari hasil bumi.⁷ Ianya merupakan cukai tanah yang dikenakan oleh negara ke atas tanah yang dimiliki oleh negara samada pengusaha tersebut adalah penyewa ataupun tuan tanah sendiri. *Al-kharāj* dikenakan setahun sekali tanpa mengira jumlah hasil kecuali dalam kes *kharāj al-muqasamah* yang dikenakan setiap kali mendapat hasil.⁸

Kharāj mula diperkenalkan selepas peperangan Khaibar apabila Rasulullah s.a.w memberi semula tanah mereka dengan syarat mereka membayar separuh daripada hasil tanah sebagai *kharāj*. Walaupun cukai yang disebut di dalam al-Quran ialah zakat dan *jizyah* sahaja, namun pengenaaan cukai *kharāj* ini adalah berdasarkan kepada prinsip *al-maṣāliḥ al-mursalah*. Berikutan itu, Ibn Taimiyyah (728 H)⁹ menyatakan bahawa pengenaaan cukai ini merupakan satu akta tertentu dan ianya adalah sejenis kontrak yang berdasarkan kepada

⁶ M. Th. Houtsma, et. al (eds.) (1987), *E. J Brills First Encyclopaedia of Islam*, Vol. Iv, Leiden : E. J Brill, m.s. 902.

⁷ Ibrahim Mustafā et. al (1960), *Al-Muʿjam al-Wasīṭ*, Jil. 1, Mesir, m.s. 223.

⁸ Muhammad Akram Khan (1990), *Glossary of Islamic Economics*, London and New York : Mansell, m.s. 75.

⁹ C. E. Bosworth, et. al. (eds.) (1991), *op. cit.*, m.s. 951.

kepentingan umum.¹⁰ Perkataan *al-kharāj* ada juga disebut di dalam al-Quran yang membawa makna upah sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Adakah engkau meminta upah kepada mereka? Maka upah Tuhanmu lebih baik dan Dia sebaik-baik yang memberi rezeki”.

(Terjemahan Surah al-Mu'minun (23) : 72)

Pada masa pemerintahan Islam, *kharāj* dikenakan ke atas hasil-hasil kebun penduduk yang dikuasai oleh negara Islam sebagai pemberian yang membuktikan kesetiaan dan kepatuhan mereka kepada pemerintah Islam. Tetapi semasa pemerintahan ‘Umar al-Khattab r.a, beliau menjadikan tanah-tanah taklukan menjadi hak milik negara untuk kemaslahatan umum. Malahan di negara Parsi (Iran) dan di negeri-negeri taklukan lain, tanah-tanah yang sudah menjadi hak milik orang muslim tetap dikenakan sewa sekiranya pengairannya diperolehi dari saluran-saliran yang dibina oleh orang kafir dhimmi yang berdamai dengan orang Islam.¹¹

Manakala dari segi pentadbiran pula, ‘Umar al-Khattab r.a mengadakan pembukuan yang disebut *diwān al-kharāj* yang mana cadangan tersebut bermula apabila ‘Umar menerima wang sewa tanah dari Bahrain yang dibawa terus oleh gabenornya iaitu Abu Hurairah. Beliau bermesyuarat mengenai penggunaan wang tersebut yang kemudiannya Khalid bin Walid mengusulkan supaya didirikan *diwān* yang dipersetujui oleh semua. Pegawai *diwān al-kharāj* di daerah-daerah

¹⁰ John L.Espito (1995), *The Oxford Encyclopaedia of the Modern Islamic World*, vol. 2, New York : Oxford University Press, m.s. 74.

¹¹ Pt Ichtiar Baru Van Hoeve (1994), *Ensiklopedia Islam*, Cet. 3, Vol. 3, Jakarta, m.s. 41.

lainnya adalah penduduk setempat iaitu orang-orang Nasrani dan Majusi yang telah bekerja di diwan tersebut sebelum taklukan Islam lagi.¹²

Seterusnya berlaku perubahan dalam masyarakat Islam apabila orang-orang Arab dan *Mawālī*¹³ memiliki kemampuan membaca dan menulis. Oleh itu, *diwān al-kharāj* mula menggunakan bahasa Arab dalam pentadbirannya. Pembaharuan ini dilakukan oleh Abd al-Malik bin Marwan (81H) yang kemudiannya disempurnakan oleh khalifah al-Walid bin Abdul Malik pada tahun 81 H yang mana *diwān al-kharāj* di Mesir diperintah menggunakan bahasa Arab.¹⁴

Pada zaman ^oAbbasiyah, pengawasan sewa dilakukan oleh wazir yang dilantik pada masa itu. Contohnya Khalifah ^oAbbasiyah yang pertama, Abu ^oAbbās al-Saffah menyerahkan petadbiran *diwān* sewa pusat kepada Khalid bin Barmaki. Pada zaman ini terdapat tiga sistem pemungutan sewa tanah iaitu:¹⁵

- a. Sistem perhitungan (*muḥāsabah*) dengan mengira luas tanah dan jumlah sewa yang harus dibayar adalah dalam bentuk wang;
- b. Sistem bagi hasil (*muqāsamah*) iaitu penetapan jumlah tertentu dari jumlah yang diperolehi; dan

¹² *Ibid.*, m. s. 42.

¹³ Takrifnya dari segi bahasa ialah raja, tuan, kerabat, hamba yang merdeka dan sebagainya. Sila lihat ^oAbd al-Wahab al-Sayyid ^oAuḍ Allah, et. al (1985), *al-Muʿjam al-Wasīṭ*, Juz. 2, cet. 3, Bishirkat al-Aʿlānat al-Sarfiyyah, m. s. 1100. Dalam sejarah Islam, istilah *mawālī* digunakan merujuk kepada golongan warga rakyat kelas dua kerana mereka bukan keturunan orang Arab walaupun hak mereka adalah sama. Sila lihat Pt Ichtiar Baru Van Hoeve (1994), *op. cit.*, m. s. 42.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*, m. s. 43.

- c. Sistem sewa (*muqāṭa'ah*) yang berdasarkan kepada persetujuan antara pihak pemerintah dengan golongan tertentu.

Pendapatan negara dari hasil sewa tanah ini mencapai jumlah hampir 273 juta dirham setiap tahun semasa pemerintahan ^oAbbāsiyah. Selain itu, sewa tanah ini juga dipungut dalam bentuk wang ataupun hasil-hasil tanaman. Ini boleh dilihat semasa pemerintahan khalifah ^oUmar r.a yang mengikut apa yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w terhadap tanah orang Yahudi di Khaibar. Pada masa pemerintahan khalifah Hārūn al-Rashīd hasil *kharāj* sejumlah yang terbesar dikumpul sehinggakan beliau memerintah Abū Yūsuf menyusun sebuah kitab tentang sewa tanah ini. Antara sebab utama khalifah Hārūn meminta Abū Yūsuf menulis kitab ini kerana berlakunya pembaziran harta hasil daripada cukai-cukai yang dikenakan ke atas orang ramai di mana tidak ada satu sistem yang khusus menggariskan mengenai perbelanjaan-perbelanjaan yang sepatutnya daripada hasil-hasil cukai tersebut. Ini boleh dilihat apabila khalifah Hārūn al-Rashīd sendiri terpaksa meminta keizinan daripada pegawainya sekiranya ingin menggunakan harta tersebut.¹⁶ Manakala Abū Yūsuf menyatakan bahawa berlakunya kejahatan di zaman tersebut adalah berkaitan dengan kezaliman pengutip-pengutip cukai ke atas ahli *al-kharāj*.¹⁷

Selain itu, daerah-daerah Islam di sebelah timur membayar sewa tanah dengan dirham, sedangkan daerah-daerah Islam di sebelah barat menggunakan

¹⁶ Muhammad Diyā' al-Dīn al-Rayyīs (Dr.) (1969), *op. cit.*, m.s 458.

¹⁷ *Ibid.*, m.s 452.

dinar. Manakala kadar sewa pula bergantung kepada kadar kesuburan tanah, perbezaan jenis tanaman dan perbezaan sumber pengairan.¹⁸

Akhirnya, penggunaan *al-kharāj* tidak dipakai apabila mereka menganggap bahawa pengenaan cukai *al-‘ushūr* daripada hasil tanaman bagi satu kawasan sudah memadai untuk dikenakan ke atas orang bukan Islam. Perkara ini berlaku apabila orang-orang bukan Islam yang kawasannya dikuasai telah memeluk Islam. Oleh itu, kita melihat kitab-kitab fiqh membincangkan cukai kepala secara mendalam sedangkan perbincangan *al-kharāj* hanya sedikit sahaja kecuali dalam kitab yang ditulis oleh al-Mawardi yang membincangkan secara khusus mengenai sistem pentadbiran Islam.¹⁹

Begitu juga dengan Abu Yusuf yang membincangkan secara panjang lebar mengenai *al-ghanīmah* dan hukumnya, *al-fay'*, *al-kharāj*, *al-jizyah*, harta-harta yang seiring dengan *al-kharāj* seperti *‘ushūr* perniagaan dan *al-sadaqāt*.²⁰

3.3 Metodologi Dan Format Penulisan

Abu Yusuf mengutarakan ideanya dalam kitab ini dengan menggunakan metod periwayatan hadith di mana beliau menerangkan sesuatu topik dan peristiwa yang menjadi rujukan dalam penerangannya, beliau menceritakan daripada siapa beliau mengambil idea tersebut dan pada zaman bila perkara itu berlaku. Contohnya apabila beliau menerangkan mengenai harta rampasan perang, beliau mengambil

¹⁸ Pt Ichtiar Baru Van Hoeve (1994), *op. cit.*, m.s. 44.

¹⁹ M. Th. Houtsma, et. al (1987), *op. cit.*, m.s. 903.

contoh peristiwa yang berlaku pada zaman khalifah ‘Umar al-Khattab r.a mengenai tanah *al-Sawād* di Iraq.²¹ Perkara ini dihuraikan dalam fasal tiga, enam, sepuluh dan bab dua puluh tujuh.

Ringkasnya beliau menggabungkan dalil-dalil nas dan akal dan kemudiannya beliau berijtihad ataupun mentarjihkannya tetapi kebanyakan daripadanya beliau berijtihad serta terdapat juga pendapatnya yang berbeza daripada Abu Ḥanīfah dan Ibn Abū Laylā.²² Dalam kitab ini, beliau telah menyebut lebih kurang 400 hadith yang mana kebanyakannya berbunyi : “ianya telah diberitahu kepada aku”, dan sebahagian lagi berbunyi : “ianya telah diberitahu kepada kita”. A. Ben Shemesh berpendapat bahawa ayat pertama menunjukkan bahawa hadith tersebut diambil secara personal daripada periwayat-periwayat sezamannya. Manakala ayat kedua menunjukkan bahawa beliau mengambilnya daripada berbagai-bagai sumber ataupun diberitahu oleh periwayat-periwayat daripada mazhab lain yang dipercayai secara umumnya.²³ Selain itu, sekiranya pendapatnya berbeza daripada gurunya Abu Ḥanīfah, beliau akan menyatakan bahawa ini adalah pendapatnya ataupun “tetapi mengikut pendapat saya”.²⁴

Abū Yūsuf memulakan tulisannya dalam *Kitāb al-Kharāj* dengan doa semoga Allah memanjangkan umur *Amīr al-Mukminīn* dan mendapat nikmat serta

²⁰ Muḥammad Diyā’ al-Dīn al-Rayyīs (Dr.) (1969), *op. cit.*, m.s. 8.

²¹ Muḥammad Ibrahim al-Banā (Dr.) (1981), *Kitāb al-Kharāj li Abi Yūsuf Ṣāhib Abi Ḥanīfah*, *Dār al-Isḥāh*, m.s. 20.

²² *Ibid.*, m.s. 21.

²³ A. Ben Shemesh (ed.) (1958), *op. cit.*, m.s. 12.

²⁴ *Ibid.*, m.s. 13.

kerahmatan daripada Allah. Seterusnya beliau menceritakan mengenai perintah khalifah Harūn al-Rashīd yang meminta beliau menulis satu kitab mengenai jabatan *al-kharāj*, *al-ʿushūr* dan *al-ṣadaqāt* dan lain-lain teori yang berkaitan dengannya.²⁵ Seterusnya beliau memberi peringatan dan nasihat kepada khalifah Harūn al-Rashīd yang antaranya beliau berwasiat agar khalifah menjaga perkara yang dijaga oleh Allah dan mengawal perkara yang dikawal oleh Allah.²⁶ Wasiat ini merujuk kepada rakyat iaitu dalam menjalankan tugasnya sebagai khalifah beliau haruslah menjaga kebajikan rakyat serta memerintah berdasarkan panduan dari Ilahi. Abu Yusuf juga membincangkan tentang hadith-hadith *Targhib* dan *Takhsīs* di dalam bab pendahuluan *Kitāb al-Kharāj*.²⁷

Kitāb al-Kharāj ini mengandungi 244 mukasurat dan 38 fasal tidak termasuk bab pendahuluan yang disebutkan sebelum ini. Bab-bab dalam *kitāb al-Kharāj* ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian yang penting iaitu:²⁸

- a. Topik yang berkaitan dengan harta-harta am ataupun '*al-Māliyyah al-ʿāmmah*' yang dikategorikan sebagai sumber-sumber. Perkara yang berkaitan dengan topik ini ialah harta-harta am yang menggunakan istilah "*al-ḍarāʾib wa al-rusūm*" dan sumber-sumber negara yang dimiliki. Harta-harta am merangkumi zakat dan *kharaj*. Manakala yang dimaksudkan dengan sumber-sumber yang dimiliki negara ialah tanah yang dikenali dengan nama *Ard al-Sawād*;

²⁵ Abu Yusuf Yaʿqub b. Ibrahim (1352), *op. cit.*, m.s. 3.

²⁶ *Ibid.*, m.s. 5.

²⁷ *Ibid.*, m.s. 7-17.

²⁸ Rafāʿat al-ʿAudi, *op. cit.*, m.s. 131.

- b. Topik yang seterusnya berkaitan dengan perbelanjaan-perbelanjaan. Perbelanjaan yang dimaksudkan di sini bukannya sahaja terhad kepada keperluan dan kemudahan masyarakat tetapi termasuk juga untuk kemaslahatan umum seperti pertahanan dan keamanan, dan awasan sekiranya berlaku perkara yang datang secara mendadak serta untuk penerusan generasi ummah; dan
- c. Kitab ini juga menekankan perkara yang berkaitan dengan akhlak-akhlak dalam sistem ekonomi Islam. Ini termasuk prinsip-prinsip yang telah digariskan dalam ekonomi Islam seperti adil dalam berbelanja, orang yang diamanahkan memegang harta tersebut mestilah seorang yang dipercayai dan adil serta tidak mengikut kepentingan sendiri. Selain itu, pegawai-pegawai yang menguruskan hasil sumber-sumber itu hendaklah sentiasa diawasi.

Namun begitu, susunan bab atau fasal dalam *Kitāb al-Kharāj* tidak mengikut turutan tajuk iaitu beliau tidak menyusun fasal-fasal ini dalam topik yang tertentu. Ini menyebabkan timbulnya kesusahan dalam memahami dengan lebih jelas dalam satu-satu topik itu. Contohnya dalam bab pertama, *fi qismati al-ghana'im* yang kemudiannya diikuti oleh fasal mengenai *al-fay'* dan *al-kharāj*.²⁹ Sepatutnya bab tersebut diikuti dengan fasal kelima iaitu *kaifa kāna farāda 'Umar li aṣḥab rasūl Allāh s,a,w* ataupun diletakkan di dalam satu bab atau fasal tertentu. Begitulah seterusnya yang mana tidak ada satu bab disusun mengikut satu-satu topik.

Selain itu, ia juga membicarakan mengenai zakat yang terdapat dalam bab sembilan belas dan dua puluh.³⁰ Ia juga membicarakan mengenai undang-undang jenayah ataupun hudud seperti hukum murtad dan hukuman ke atas pemberontak. Terdapat juga perbincangan mengenai jualbeli dan sewaan. Secara ringkasnya, fasal-fasal yang terdapat dalam kitab ini adalah berdasarkan kepada Lampiran 1.

3.4 Ulasan Tokoh-Tokoh Islam Mengenai Buku Ini

Buku ini mendapat perhatian dan ulasan daripada tokoh-tokoh pemikir Islam dan ianya merupakan antara rujukan terawal mengenai sistem kewangan Islam. Oleh sebab itu, ia sesuai dijadikan rujukan utama dalam topik ekonomi dan kewangan Islam. Kitab ini mendapat ulasan daripada beberapa tokoh pemikir Islam yang lain antaranya Ben Shemesh dalam bukunya "Taxation in Islam".

Beliau menyatakan terdapat dua puluh satu buah buku yang menggunakan nama *Kitāb al-Kharāj* ataupun *Kitāb Risāla fī al-Kharāj* yang diketahui tetapi hanya tiga buah buku sahaja yang masih wujud hari ini. Dua puluh satu buah buku tersebut disertakan dalam Lampiran 2 beserta dengan nama-nama pengarangnya. Manakala tiga buah buku tersebut ialah *Kitāb al-Kharāj* oleh Abu Yūsuf, *Qudāma*

²⁹ Abū Yūsuf Ya'qub b. Ibrahim (1352), *op cit.*, m.s. 18-23.

³⁰ *Ibid.*, m.s. 71-72.

b. *Jaafar's Kitāb al-Kharāj* oleh Qudamah Ibn Ja'far, *Kitāb al-Kharāj* oleh Yahyā b. Ādam al-Quraishī.³¹

Yahyā b. Ādam merupakan seorang pelajar yang warak dalam menuntut ilmu dan hadith serta terkenal dengan kethiqahannya dan beliau hidup di kalangan ahli ilmu di Baghdad. Beliau wafat pada 203 H iaitu semasa pemerintahan khalifah Mākmūn (199-218 H).³² Buku tersebut ditulis dalam bentuk periwatan hadith iaitu disusun mengikut bilangan hadith dan memberi pendapat-pendapat fuqaha' tanpa mentarjihkannya ataupun mengikut pendapatnya sendiri. Topik yang dikemukakan dalam kitab ini ialah *al-ghanīmah*, *al-fay'*, *al-kharāj*, *al-ushūr*, penerokaan tanah dan lain-lain berdasarkan kepada keadaan pada masa itu iaitu zaman awal pemerintahan Islam.³³

Kharāj oleh Yahyā bin Ādam kurang terkenal berbanding dengan kitab ini kerana kelemahannya dari segi analisa dan keupayaannya untuk mengambil atau mengatur undang-undang dan ianya lebih mementingkan hubungannya dengan hadith. Namun begitu, hanya empat puluh daripada hujah Yahyā ditemui dalam enam hadith riwayat al-Bukhārī, Muslim, Abu Dāud, Nasa'ī, Tirmizī dan Ibn Majah.³⁴

³¹ Ahamed Kameel Mydin Meera (1992), "al-Kharaj and Related Issues: a Comparative Study of Early Islamic Scholarly Thoughts and Their Reception by Western Economists" dalam AbulHasan M. Sadeq, et. al., *Readings in Islamic Economic Thought*, Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd., m.s. 203.

³² Yahyā b. Ādam al-Quraishī (1987), *Kitāb al-Kharāj*, Cet. 1, Dār al-Shuruq, m.s. 12.

³³ *Ibid*, m.s. 14.

³⁴ Ahamed Kameel Mydin Meera (1992), *op. cit.*, m.s. 205.

Qudāma b. Jaafar's Kitāb al-Kharāj oleh Qudāmah Ibn Ja'far merupakan sebahagian daripada ensiklopedia mengenai sistem pentadbiran °Abāsiyyah dalam kurun ke-3 dan ke-4 hijrah. Beliau menyusun mengikut turutan bab-bab berdasarkan topik-topik tertentu seperti bab mengenai sumber-sumber pendapatan negara seperti *al-fay'*, *al-jizyah* dan *al-kharāj* yang diletakkan dalam bab ketujuh. Ini merupakan satu pembaharuan yang dilakukan oleh beliau. Tetapi kefahamannya mengenai Islam dan sensitivitinya adalah kurang kerana beliau asalnya seorang Nasrani yang memeluk Islam. Maka pentafsirannya mengenai sesuatu perkara adalah jauh daripada apa yang dimaksudkan di dalam Islam seperti penerangannya mengenai *jizyah*, harta galian, *al-ushur* dan lain-lain.³⁵

Kitab yang dikarang oleh Qudāmah bin Ja'afar dikatakan kurang berjaya kerana penulisannya tidak sesuai digunakan pada zaman tersebut iaitu dikenali sebagai permulaan penolakan kepada kerajaan °Abbasīyah. Pada masa itu beliau berkhidmat sebagai *Qādī*, dan terdapat kritikan yang mengatakan bahawa sistem *kharāj* tidak berada di landasan agama yang sebenar. Maka, *al-Kharāj* yang dihasilkan adalah untuk menyangkal tuduhan penulis-penulis tersebut. Beliau menggunakan *Kitāb al-Amwāl* oleh Abū °Ubayd al-Qasīm sebagai sumber rujukan utamanya.³⁶

Ketiga-tiga orang tokoh ini merupakan penasihat ataupun qadi kepada khalifah pada zaman tersebut iaitu daripada zaman pemerintahan Umayyah

³⁵ Yahya b. Adam al-Quraishi (1987), *op. cit.*, m. s. 46-48.

³⁶ *Ibid.*, m. s. 206.

sehinggalah ke zaman ‘Abassiyah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Lampiran 3.

Kitab ini juga telah dianalisa oleh Diyā al-Dīn al-Rayyīs dalam “*al-Kharāj wa al-Nizām al-Māliyyah li al-Daulah al-Islāmiyyah*” dan pandangan ekonominya turut dibincangkan oleh pemikir ekonomi lain seperti :³⁷

1. Tuma, Elias H. “Early Arab in Economic Policies”, *Islamic Studies*. Beliau membincangkan tindakan pemerintah yang menyelesaikan masalah kenaikan harga dengan menambahkan penawaran gandum dan mengelak daripada berlakunya kawalan harga. Manakala Abū Yūsuf melihat kepada kuasa permintaan dan penawaran dalam penentuan harga.³⁸
2. Fariq, Khurshid Ahmad , “*Qaḍī Abū Yūsuf ki Kitāb al-Kharāj (Qadi Abu Yusuf 's Kitab al-Kharaj)*”. Beliau berpendapat Abu Yusuf jujur dalam menghapuskan penindasan dan menegakkan keadilan serta memastikan kebajikan rakyat merupakan tugas yang paling utama bagi pemerintah.³⁹
3. Al-Maudūdī, Syed Abul ‘Ala, “*Khilāfat aur Mulūkiyat (Caliphate and Monarchy)*”. Topik yang disentuh oleh beliau ialah mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh Abū Yūsuf dalam hal-hal kebajikan seperti membina jalan, terusan dan sebagainya yang berkaitan dengan perkembangan sektor

³⁷ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1992) “Recent Works on History of Economic Thought in Islam : a Survey”, *op. cit.*, m.s. 37.

³⁸ Tuma, Elias H (1965), “Early Arab in Economic Policies”, *Islamic Studies*, Karachi, m.s. 14.

pertanian, perbendaharaan awam dan peranan pemerintah adalah selaras dengan roh Islam serta membantu kemajuan sosial.⁴⁰

4. Şiddiqi, Muhammad Nejatullah, "*Islām ka Nazāriya -e- Milkiyāt*". Beliau mengulas perbincangan Abū Yusuf mengenai kawalan harga iaitu beliau menentang pemerintah menetapkan harga. Dalam hal ini, Şiddiqi berpendapat Abū Yusuf tidak membincangkannya secara terperinci sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Taimiyyah.⁴¹

5. Zia al-Haq, "*Landlord and Peasant in Early Islam*". Beliau mengkaji idea Abū Yusuf mengenai sewa tanah, hasil tanaman dan fay' dengan menganalisa keadaan yang berlaku di Iraq.⁴²

³⁹ Fariq, Khurshid Ahmad (1956), *Qāḍī Abū Yūsuf ki Kitāb al-Kharāj (Qadi Abu Yusuf 's Kitāb al-Kharāj)*, Delhi, m.s. 24.

⁴⁰ al-Maududi, Syed Abul 'Alā (1967), *Khilāfat aur Mulūkiyāt (Caliphate and Monarchy)*, Delhi : Markazi Maktaba Islami, m.s. 290-294.

⁴¹ Şiddiqi, Muhammad Nejatullah (1968), *Islām ka Nazāriya -e- Milkiyāt*, Vol. 2, Lahore : Islamic Publications, m.s. 189-203.

⁴² Zia al-Haq (1977), *Landlord and Peasant in Early Islam*, Islamabad : Islamic Research Institute.